

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JANUARI 2024

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

Peserta IPR dapat RM5,800 sebulan

pendapatan petani moden lebih tinggi daripada gaji median nasional

Peserta IPR dapat RM5,800 sebulan

PETALING JAYA - Perolehan bulanan peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat - Inisiatif Usahawan Tani (IPR Intan) adalah lebih tinggi berbanding gaji median pekerja formal negara pada RM2,600, yang sebahagian besarnya merupakan pemegang diploma dan ijazah.

Memari Ekonomi, Rafzi Ramli semalam berkongsi sampel pendapatan tujuh orang peserta IPR Intan di Putrajaya, yang mana julat tambahan pendapatan bulanan dijana bagi setiap kitaran pertanian mereka selama empat bulan ialah antara RM3,000 dan RM5,800.

Formula pertanian moden untuk membasmi kemiskinan telah berjaya dibuktikan di beberapa tapak di seluruh negara. Amanah saya ialah meluaskan IPR Intan di seluruh negara dengan segera.

"Sasaran kami ialah mewujudkan peluang ini kepada 20,000 peserta di seluruh negara menjelang akhir 2025.

"Ini bersamaan dengan peluang pekerjaan yang diwujudkan dengan membina 200 pusat data, yang memerlukan pelaburan bernilai bilion kerana kilang moden tidak menggunakan ramai pekerja," katanya dalam hantaran di media sosial semalam.

Menurut Rafzi, terdapat beberapa punca utama beberapa projek pertanian yang melibatkan peserta berpendapatan rendah sebelum ini tidak berjaya sebagaimana yang dirancang.

Pertama ialah risiko operasi iaitu apabila tanaman diserang penyakit dan mutu tuai tidak baik; kedua risiko pasaran dengan harga tidak menentu; ketiga

melihat tapak pertanian sebagai satu 'kilang' cuba menyelesaikan semua risiko ini.

"Peserta menjadi pekerja yang menguruskan plot yang telah dibangunkan dengan kaedah pertanian moden dan diberi latihan. Kalau mereka putus asa awal, akan ada peserta baharu yang masuk untuk menyambung, seperti pekerja kilang baharu menggantikan yang telah berhenti.

"Kontrak jualan telah diikat dengan pembeli pada harga tertentu supaya peserta tidak perlu menjual hasil sendiri. Kos operasi telah dimasukkan dalam keseluruhan perancangan kewangan, bukannya dibefikan dalam bentuk modal dan baja kepada peserta," ujarnya.

Rafzi berkata, peserta diberi jaminan menerima sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan setiap kali pusingan tanaman, dengan elaun RM600 sebulan dalam dua hingga tiga bulan pertama sebelum boleh dituai.

Tegasnya, ketika semua perancangan cantik di atas kertas, buktinya hanya diketahui apabila satu pusingan tuai berjaya.

"Selepas beberapa tapak IPR Intan sudah mula dituai, saya suka berkongsi bahawa pendapatan bulanan purata yang dijana peserta jauh lebih tinggi dari sasaran minimum RM2,000 sebulan," katanya.



RAFIZI ketika melawat tapak tanaman sayur pada pelancaran projek Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) - Inisiatif Usahawan Tani Wilayah Ekonomi Koridor Utara di Ulu Kinta, Ipoh pada bulan lalu.